



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

PENGARUH PENERIMAAN MEDIA SOSIAL DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN GURU SAINS SEKOLAH MENENGAH

FADILLAH BINTI SETAPA



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi

UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS

2024



05-4506832



pustaka.upsi.edu.my



Perpustakaan Tuanku Bainun
Kampus Sultan Abdul Jalil Shah



PustakaTBainun



ptbupsi



**PENGARUH PENERIMAAN MEDIA SOSIAL DALAM PENGAJARAN DAN
PEMBELAJARAN GURU SAINS SEKOLAH MENENGAH**

FADILLAH BINTI SETAPA



**DISERTASI DIKEMUKAKAN BAGI MEMENUHI SYARAT UNTUK
MEMPEROLEH IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (TEKNOLOGI INSTRUKSIONAL)
(MOD PENYELIDIKAN DAN KERJA KURSUS)**

**FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA
UNIVERSITI PENDIDIKAN SULTAN IDRIS**

2024



UPSI/IPS-3/BO 32
Pind : 00 mls: 1/1UNIVERSITI
PENDIDIKAN
SULTAN IDRIS
اينديسي لمدينتي سلطان ايدريس

Sila tanda (✓)

Kertas Projek

Sarjana Penyelidikan

Sarjana Penyelidikan dan Kerja Kursus

Doktor Falsafah

INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN

Perakuan ini telah dibuat pada09...(hari bulan).....01..... (bulan) 20...24....

I. Perakuan pelajar :

Saya, FADILLAH BINTI SETAPA, M20211000211 FAKULTI PEMBANGUNAN MANUSIA (SILA NYATAKAN NAMA PELAJAR, NO. MATRIK DAN FAKULTI) dengan ini mengaku bahawa disertasi/tesis yang bertajuk PENGARUH PENERIMAAN MEDIA SOSIAL DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN GURU SAINS SEOLAH MENENGAH adalah hasil kerja saya sendiri. Saya tidak memplagiat dan apa-apa penggunaan mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dilakukan secara urusan yang wajar dan bagi maksud yang dibenarkan dan apa-apa petikan, ekstrak, rujukan atau pengeluaran semula daripada atau kepada mana-mana hasil kerja yang mengandungi hak cipta telah dinyatakan dengan sejelasnya dan secukupnya

Tandatangan pelajar

II. Perakuan Penyelia:

Saya, PROF MADYA Ts. DR MAHIZER BIN HAMZAH (NAMA PENYELIA) dengan ini mengesahkan bahawa hasil kerja pelajar yang bertajuk PENGARUH PENERIMAAN MEDIA SOSIAL DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN GURU SAINS SEKOLAH MENENGAH.

(TAJUK) dihasilkan oleh pelajar seperti nama di atas, dan telah diserahkan kepada Institut Pengajian Siswazah bagi memenuhi sebahagian/sepenuhnya syarat untuk memperoleh Ijazah IJAZAH SARJANA PENDIDIKAN (TEKNOLOGI INSTRUKSIONAL) (SILA NYATAKAN NAMA IJAZAH).

15 Januari 2024

Tarikh

Prof. Madya Ts. Dr Mahizer Bin Hamzah
Penyarah Kanan
Tandatangan Penyelia
Fakulti Pendidikan dan Kerja Kursus
Universiti Pendidikan Sultan Idris



UPSI/IPS-3/BO/31
Pind.: 01 m/s:1/1
**INSTITUT PENGAJIAN SISWAZAH /
INSTITUTE OF GRADUATE STUDIES**
**BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS/DISERTASI/LAPORAN KERTAS PROJEK
DECLARATION OF THESIS/DISSERTATION/PROJECT PAPER FORM**

Tajuk / Title: PENGARUH PENERIMAAN MEDIA SOSIAL DALAM PENGAJARAN
DAN PEMBELAJARAN GURU SAINS SEKOLAH MENENGAH

No. Matrik / Matric's No.: FADILLAH BINTI SETAPA (M2021100211)

Saya / I : _____
(Nama pelajar / Student's Name)

mengaku membenarkan Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek (Kedoktoran/Sarjana)* ini disimpan di Universiti Pendidikan Sultan Idris (Perpustakaan Tuanku Bainun) dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:-
acknowledged that Universiti Pendidikan Sultan Idris (Tuanku Bainun Library) reserves the right as follows:-

1. Tesis/Disertasi/Laporan Kertas Projek ini adalah hak milik UPSI.
The thesis is the property of Universiti Pendidikan Sultan Idris
2. Perpustakaan Tuanku Bainun dibenarkan membuat salinan untuk tujuan rujukan dan penyelidikan.
Tuanku Bainun Library has the right to make copies for the purpose of reference and research.
3. Perpustakaan dibenarkan membuat salinan Tesis/Disertasi ini sebagai bahan pertukaran antara Institusi Pengajian Tinggi.
The Library has the right to make copies of the thesis for academic exchange.
4. Sila tandakan (✓) bagi pilihan kategori di bawah / Please tick (✓) for category below:-


☐ **SULIT/CONFIDENTIAL**

Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan Malaysia seperti yang termaktub dalam Akta Rahsia Rasmi 1972. / Contains confidential information under the Official Secret Act 1972

☐ **TERHAD/RESTRICTED**

Mengandungi maklumat terhad yang telah ditentukan oleh organisasi/badan di mana penyelidikan ini dijalankan. / Contains restricted information as specified by the organization where research was done.

☒ **TIDAK TERHAD / OPEN ACCESS**


(Tandatangan Pelajar/ Signature)


Prof. Madya Dr. Shahlan bin Hamzah
(Tandatangan Pembimbing / Signature of Supervisor)
& (Nama & Cap Resmi / Name & Official Stamp)

Tarikh: 15 Januari 2024

Catatan: Jika Tesis/Disertasi ini **SULIT @ TERHAD**, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh laporan ini perlu dikelaskan sebagai **SULIT** dan **TERHAD**.

Notes: If the thesis is **CONFIDENTIAL** or **RESTRICTED**, please attach with the letter from the organization with period and reasons for confidentiality or restriction.

PENGHARGAAN

Saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Prof. Madya Ts. Dr. Mahizer bin Hamzah selaku Penyelia untuk segala ilmu dan bimbingan yang berterusan sepanjang tempoh pengajian saya. Saya juga ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada Kementerian Pendidikan Malaysia atas peluang dan kepercayaan yang diberikan kepada saya melalui penajaan biasiswa dan cuti belajar. Saya turut terhutang budi kepada Dekan Fakulti Pembangunan Manusia (FPM), Universiti Pendidikan Sultan Idris, semua panel penilai, dan staf sokongan yang banyak membantu sama ada secara langsung atau tidak langsung. Disertasi ini saya dedikasikan teristimewa kepada keluarga saya, suami, En Rozaimi Bin Mohamad dan anak-anak, Sophea Hani, Iman Asyraf, Izzat Asyraf dan Sophea Airis yang senantiasa memberikan sokongan dan dorongan yang tidak berbelah bahagi. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang kerap memberikan semangat dan motivasi. Semoga disertasi ini dapat memberikan sumbangan kepada perkembangan ilmu yang berterusan.



ABSTRAK

Kajian ini bertujuan mengenal pasti pengaruh penerimaan media sosial dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) guru sains di sekolah menengah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur. Enam faktor penerimaan seperti jangkaan prestasi, jangkaan usaha, pengaruh sosial, tabiat, motivasi hedonis, dan inovasi peribadi dianalisis melalui tinjauan kuantitatif dengan menggunakan soal selidik dalam talian. Seramai 30 guru menjadi responden untuk kajian rintis dan 175 guru untuk kajian sebenar. Analisis data melibatkan analisis deskriptif dan inferens. Hasil analisis deskriptif menunjukkan penerimaan media sosial di kalangan guru sains pada tahap sederhana dan tinggi untuk faktor penerimaan yang dikaji dan juga bagi niat perilaku. Sementara itu, analisis inferens korelasi dan regresi dilakukan bagi menunjukkan kekuatan hubungan dan pengaruh faktor penerimaan media sosial dalam PdP guru sains sekolah menengah. Hasil analisis korelasi mendapati nilai pekali korelasi (r) menunjukkan faktor penerimaan seperti jangkaan prestasi ($r = 0.511$), jangkaan usaha ($r = 0.442$), pengaruh sosial ($r = 0.380$), tabiat ($r = 0.614$), motivasi hedonis ($r = 0.320$) dan inovasi peribadi ($r = 0.400$) mempunyai hubungan positif yang signifikan dengan niat perilaku. Analisis regresi juga menunjukkan kesemua pemboleh ubah penerimaan memberi pengaruh positif yang signifikan iaitu sebanyak 58.4% ke atas niat perilaku guru. Selain itu, didapati bahawa faktor tabiat merupakan peramal yang terpenting ($\beta = 0.382, p < 0.05$) terhadap niat perilaku kerana memberikan sumbangan tertinggi yang unik serta signifikan terhadap niat perilaku. Maka, berdasarkan ini, dapat dibuktikan bahawa guru berkeyakinan terhadap potensi media sosial sebagai alat bantu yang bermanfaat dalam pengajaran dan pembelajaran sains. Implikasi kajian ini menekankan perlunya kolaborasi antara Kementerian Pelajaran Malaysia dan Jabatan Pendidikan Negeri untuk mengembangkan garis panduan komprehensif agar dapat meningkatkan keberkesanan dan akses sumber pembelajaran bagi guru dan murid, dengan fokus memastikan bahawa penerimaan dan penggunaan media sosial dalam pengajaran dan pembelajaran guru dan murid lebih bermakna di masa depan.



THE IMPACT OF SOCIAL MEDIA ACCEPTANCE ON THE TEACHING AND LEARNING OF SECONDARY SCHOOL SCIENCE TEACHERS

ABSTRACT

This research delves into the influence of social media acceptance on the teaching and learning practices of secondary school science teachers in Kuala Lumpur. Employing a quantitative survey with 30 participants in the pilot study and 175 in the actual study, six acceptance factors, including performance expectations, effort expectations, social influence, habits, hedonic motivation and personal innovation were scrutinized through online questionnaires. Descriptive analysis unveiled diverse levels of acceptance among science teachers, ranging from moderate to high including behavioral intention. Correlation and regression analyses were conducted to demonstrate the strength of the relationship and the influence of social media acceptance on teaching and learning practices. The results of the correlation analysis revealed noteworthy positive associations between acceptance factors and behavioral intention. Specifically, performance expectations ($r=0.511$), effort expectations ($r = 0.442$), social influence ($r = 0.380$), habits ($r = 0.614$), hedonic motivation ($r = 0.320$), and personal innovation ($r = 0.400$) all demonstrated significant positive correlations with behavioral intention. Regression analysis revealed that all acceptance variables had a significant positive influence of 58.4% on teachers' behavioral intentions. Additionally, it was found that the habit factor was the most significant predictor ($\beta = 0.382, p < 0.05$) of behavioral intention, because it provides the highest unique and significant contribution to behavioral intentions. Teachers' confidence in the potential of social media as a valuable tool for science teaching and learning is highlighted. The study suggests the importance of collaboration between the Ministry of Education Malaysia and State Education Departments to establish comprehensive guidelines. These guidelines aim to improve the effectiveness and accessibility of learning resources for both teachers and students. The primary focus should be on ensuring that the acceptance and utilization of social media in teaching and learning become more meaningful in the future.

KANDUNGAN

Muka surat

PERAKUAN KEASLIAN PENULISAN	i
BORANG PENGESAHAN PENYERAHAN TESIS	ii
PENGHARGAAN	iii
ABSTRAK	iv
ABSTRACT	v
KANDUNGAN	vi
SENARAI JADUAL	xiii
SENARAI RAJAH	xvii
SENARAI RINGKASAN	xviii
SENARAI LAMPIRAN	xx
BAB 1 PENGENALAN	
1.1 Pendahuluan	1
1.2 Latar Belakang Kajian	2
1.3 Pernyataan Masalah	10
1.4 Objektif Kajian	14
1.5 Soalan Kajian	15
1.6 Hipotesis Kajian	16
1.7 Kerangka Konseptual Kajian	17
1.8 Kepentingan Kajian	20
1.9 Batasan Kajian	23
1.10 Definisi Operasi	24
1.10.1 Media Sosial dalam Pengajaran Sains	24



1.10.2	Guru Sains	25
1.10.3	Niat Perilaku	26
1.10.3	Jangkaan Prestasi	27
1.10.4	Jangkaan Usaha	27
1.10.5	Pengaruh Sosial	28
1.10.6	Tabiat	28
1.10.7	Motivasi Hedonis	29
1.10.8	Inovasi Peribadi	29
1.11	Rumusan	30

BAB 2 TINJAUAN LITERATUR

2.1	Pengenalan	31
2.2	Media Sosial	32
2.2.1	Media Sosial dalam Pengajaran dan Pembelajaran	34
2.3	Pendidikan Sains	42
2.3.1	Pendidikan Sains dan Media Sosial	47
2.4	Model Penerimaan Dan Penggunaan Teknologi Bersepadu 2 (UTAUT2)	51
2.4.1	Aplikasi Penggunaan Model Penyatuan Teori Penerimaan Penggunaan Teknologi 2 (UTAUT2)	56
2.4.2	Niat Perilaku	58
2.4.3	Jangkaan Prestasi	62
2.4.4	Jangkaan Usaha	64
2.4.5	Pengaruh Sosial	67
2.4.6	Tabiat	69





2.4.7	Motivasi Hedonis	72
2.5	Inovasi Peribadi	74
2.6	Teori Sosial Konstruktivisme	77
2.6.1	Teori Sosial Konstruktivisme dan Media Sosial	79
2.7	Teori Konektivisme	83
2.7.1	Teori Konektivisme dan Media Sosial	86
2.8	Sorotan Kajian-Kajian Lepas	90
2.9	Rumusan	100

BAB 3 METODOLOGI

3.1	Pengenalan	101
3.2	Reka Bentuk Kajian	101
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	104
3.3.1	Populasi Kajian	104
3.3.2	Saiz Sampel Kajian	104
3.3.3	Pensampelan	105
3.4	Instrumen Kajian	108
3.4.1	Bahagian A: Soal Selidik Ciri-Ciri Demografi	111
3.4.2	Bahagian B: Soal Selidik Ciri-Ciri Jangkaan Prestasi	111
3.4.3	Bahagian C: Soal Selidik Ciri-Ciri Jangkaan Usaha	111
3.4.4	Bahagian D: Soal Selidik Ciri-Ciri Pengaruh Sosial	112
3.4.5	Bahagian E: Soal Selidik Ciri-Ciri Tabiat	112





3.4.6	Bahagian F: Soal Selidik Ciri-Ciri Motivasi Hedonis	113
3.4.7	Bahagian G: Soal Selidik Ciri-Ciri Inovasi Peribadi	113
3.4.8	Bahagian H: Soal Selidik Ciri-Ciri Niat Perilaku	113
3.5	Kesahan Instrumen	114
3.5.1	Kesahan Kandungan	114
3.5.2	Kesahan Muka	125
3.6	Kajian Rintis	125
3.6.1	Kebolehpercayaan Instrumen	127
3.6.2	Dapatan Kajian Rintis	128
3.7	Prosedur Pengumpulan Data	135
3.7.1	Prosedur Sebelum Kajian	135
3.7.2	Prosedur Semasa Kajian	136
3.7.3	Prosedur Selepas Kajian	137
3.8	Kaedah Analisis Data	138
3.8.1	Analisis Deskriptif	140
3.8.2	Analisis Inferens	141
3.9	Rumusan	146
BAB 4	DAPATAN KAJIAN	147
4.1	Pengenalan	147
4.2	Demografi Responden	148
4.3	Ujian Kenormalan	151
4.3.1	Konstruk Jangkaan Prestasi	151
4.3.2	Konstruk Jangkaan Usaha	152



4.3.3	Konstruk Pengaruh Sosial	152
4.3.4	Konstruk Tabiat	153
4.3.5	Konstruk Motivasi Hedonis	154
4.3.6	Konstruk Inovasi Peribadi	154
4.3.7	Konstruk Niat Perilaku	155
4.3.8	Rumusan	156
4.4	Objektif 1: Menentukan tahap jangkaan prestasi, jangkaan usaha, pengaruh sosial, tabiat, motivasi hedonis dan inovasi peribadi dalam PdP Sains di sekolah menengah	156
4.4.1	Jangkaan Prestasi	156
4.4.2	Jangkaan Usaha	158
4.4.3	Pengaruh Sosial	160
4.4.4	Tabiat	163
4.4.5	Motivasi Hedonis	164
4.4.6	Inovasi Peribadi	166
4.4.7	Rumusan	168
4.5	Objektif 2: Menentukan tahap niat perilaku guru terhadap penerimaan media sosial dalam PdP sains sekolah menengah	169
4.6	Objektif 3: Mengukur hubungan antara jangkaan prestasi, jangkaan usaha, pengaruh sosial, tabiat, motivasi hedonis dan inovasi peribadi dengan niat perilaku guru terhadap penerimaan media sosial dalam PdP sains sekolah menengah	171
4.6.1	Jangkaan Prestasi	172
4.6.2	Jangkaan Usaha	173
4.6.3	Pengaruh Sosial	174
4.6.4	Tabiat	175

4.6.5	Motivasi Hedonis	176
4.6.6	Inovasi Peribadi	177
4.6.7	Rumusan	178
4.7	Objektif 4: Menilai pengaruh jangkaan prestasi, jangkaan usaha, pengaruh sosial, tabiat, motivasi hedonis dan inovasi peribadi ke atas niat perilaku guru terhadap penerimaan media sosial dalam PdP sains sekolah menengah	179
4.8	Objektif 5: Menentukan peramal terpenting ke atas niat perilaku guru terhadap penerimaan media sosial dalam PdP sains sekolah menengah	182
4.9	Rumusan Dapatan Kajian	183
4.10	Rumusan	188
BAB 5	PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN	189
5.1	Pengenalan	189
5.2	Ringkasan Kajian	190
5.3	Perbincangan Dapatan Kajian	192
5.3.1	Demografi Responden	192
5.3.2	Menentukan tahap jangkaan prestasi, jangkaan usaha, pengaruh sosial, tabiat, motivasi hedonis dan inovasi peribadi dalam PdP sains sekolah menengah	193
5.3.3	Menentukan tahap niat perilaku guru terhadap penerimaan media sosial dalam PdP sains sekolah menengah	195
5.3.4	Mengukur hubungan antara jangkaan prestasi, jangkaan usaha, pengaruh sosial, tabiat, motivasi hedonis dan inovasi peribadi dengan niat perilaku guru terhadap penerimaan media sosial dalam PdP sains sekolah menengah	197



5.3.5	Menilai pengaruh jangkaan prestasi, jangkaan usaha, pengaruh sosial, tabiat, motivasi hedonis dan inovasi peribadi ke atas niat perilaku guru terhadap penerimaan media sosial dalam PdP sains sekolah menengah	202
5.3.6	Menentukan peramal terpenting ke atas niat perilaku guru terhadap penerimaan media sosial dalam PdP sains sekolah menengah	207
5.4	Implikasi Kajian	208
5.5	Cadangan Penyelidikan Lanjutan	211
5.6	Kesimpulan	212
	RUJUKAN	216
	LAMPIRAN	258



SENARAI JADUAL

No. Jadual		Muka Surat
3.1	Senarai Sekolah dan Bilangan Guru Sains di SMK PPD Bangsar Pudu, WPKL	107
3.2	Skala Likert Lima Mata dan Ringkasan Kod Soal Selidik	109
3.3	Kod Konstruk Kajian	109
3.4	Kandungan Instrumen Kajian Berdasarkan Sumber dan Kod Konstruk	110
3.5	Skala Penarafan dan Penerangan	115
3.6	Skor I-CVI dan S-CVI/Ave oleh Panel Pakar untuk Konstruk jangkaan prestasi	117
3.7	Skor I-CVI dan S-CVI/Ave oleh Panel Pakar untuk Konstruk jangkaan usaha	118
3.8	Skor I-CVI dan S-CVI/Ave oleh Panel Pakar untuk Konstruk pengaruh sosial	119
3.9	Skor I-CVI dan S-CVI/Ave oleh Panel Pakar untuk Konstruk tabiat	119
3.10	Skor I-CVI dan S-CVI/Ave oleh Panel Pakar untuk Konstruk motivasi hedonis	120
3.11	Skor I-CVI dan S-CVI/Ave oleh Panel Pakar untuk Konstruk inovasi peribadi	121
3.12	Skor I-CVI dan S-CVI/Ave oleh Panel Pakar untuk Konstruk niat perilaku	122
3.13	Penskoran I-CVI Berdasarkan Penilaian Pakar Setiap Item	123
3.14	Nilai Pekali Kebolehpercayaan	128
3.15	Cronbach Alpha bagi konstruk jangkaan prestasi	129

3.16	Cronbach Alpha bagi konstruk jangkaan usaha	130
3.17	Cronbach Alpha bagi Konstruk pengaruh sosial	131
3.18	Cronbach Alpha bagi konstruk tabiat	131
3.19	Cronbach Alpha bagi konstruk motivasi hedonis	132
3.20	Cronbach Alpha bagi konstruk inovasi peribadi	133
3.21	Cronbach Alpha konstruk niat perilaku	133
3.22	Nilai Cronbach Alpha bagi Setiap Konstruk	134
3.23	Interpretasi Skor Min bagi Tahap jangkaan prestasi, jangkaan usaha, pengaruh sosial, tabiat, motivasi hedonis, inovasi peribadi, dan niat perilaku	141
3.24	Jadual Nilai r, kekuatan pekali Korelasi	142
3.25	Kaedah Analisis Data	145
4.1	Analisa Demografi Responden	150
4.2	Analisis kenormalan data konstruk jangkaan prestasi	151
4.3	Analisis kenormalan data konstruk jangkaan usaha	152
4.4	Analisis kenormalan data konstruk pengaruh sosial	153
4.5	Analisis kenormalan data konstruk tabiat	153
4.6	Analisis kenormalan data konstruk motivasi hedonis	154
4.7	Analisis kenormal data konstruk inovasi peribadi	155
4.8	Analisis kenormalan data konstruk niat perilaku	155
4.9	Skor Min, Frekuensi, dan Peratus konstruk jangkaan prestasi	158
4.10	Skor Min, Frekuensi, dan Peratus dalam konstruk jangkaan usaha	160
4.11	Skor Min, Frekuensi, dan Peratus dalam konstruk pengaruh sosial	162

4.12	Skor Min, Frekuensi, dan Peratus dalam konstruk tabiat	164
4.13	Skor Min, Frekuensi, dan Peratus dalam konstruk motivasi hedonis	166
4.14	Skor Min, Frekuensi, dan Peratus dalam konstruk inovasi peribadi	168
4.15	Skor Min, Frekuensi, dan Peratus dalam konstruk niat perilaku	171
4.16	Analisis Korelasi Pearson jangkaan prestasi dengan niat perilaku	172
4.17	Analisis Korelasi Pearson jangkaan usaha dengan niat perilaku	173
4.18	Analisis Korelasi Pearson pengaruh sosial dengan niat perilaku	174
4.19	Analisis Korelasi Pearson tabiat dengan niat perilaku	175
4.20	Analisis Korelasi Pearson motivasi hedonis dengan niat perilaku	176
4.21	Analisis Korelasi Pearson inovasi peribadi dengan niat perilaku	177
4.22	Hubungan antara jangkaan prestasi, jangkaan usaha, pengaruh sosial, tabiat, motivasi hedonis, dan inovasi peribadi dengan niat perilaku	179
4.23	Analisis regresi linear pelbagai jangkaan prestasi, jangkaan usaha, pengaruh sosial, tabiat, motivasi hedonis, inovasi peribadi terhadap niat perilaku	181
4.24	Nilai Koefisien Setiap Konstruk	183
4.25	Rumusan Dapatan Kajian	184

**SENARAI RAJAH**

No. Rajah		Muka Surat
1.1	Peratusan Penggunaan Media Sosial di Malaysia bagi Tahun 2020	3
1.2	Peratusan Penggunaan Media Sosial Mengikut Peringkat Umur	4
1.3	Kerangka Konseptual	20
2.1	Model Penyatuan Teori Penerimaan Penggunaan Teknologi (UTAUT)	53
2.2	Model Penyatuan Teori Penerimaan Penggunaan Teknologi 2 (UTAUT2)	55
2.3	Model Kerangka Teori Kajian	56
3.1	Ringkasan Proses Melaksanakan Kesahan Kandungan	116
3.2	Rangka Kerja yang Dijalankan	138



SENARAI RINGKASAN

KPM	Kementerian Pendidikan Malaysia
UTAUT	Model Penerimaan Dan Penggunaan Teknologi Bersepadu
UTAUT2	Model Penerimaan Dan Penggunaan Teknologi Bersepadu 2
PPD	Pejabat Pelajaran Daerah
WPKL	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
SKMM	Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia
PPPM	Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia
ICT	Teknologi Maklumat dan Komunikasi
JENDELA	Pelan Jalinan Digital Negara
SMK	Sekolah Menengah Kebangsaan
IT	Teknologi Maklumat
ODL	Pembelajaran Terbuka Dan Jarak Jauh
MOOC	<i>Massive Open Online Courses</i>
SNS	Tapak Rangkaian Sosial
KBAT	Kemahiran Berfikir Aras Tinggi
JP	Jangkaan Prestasi
JU	Jangkaan Usaha
PS	Pengaruh Sosial
T	Tabiat
MH	Motivasi Hedonis
IP	Inovasi Peribadi
NP	Niat Perilaku

UTHM	Universiti Tun Hussein Onn Malaysia
UPM	Universiti Putra Malaysia
CVI	Indeks Kesahan Kandungan
S-CVI/Ave	Skala indeks kesahan kandungan
I- CVI	Indeks kesahan kandungan item
KBSM	Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah
KSSM	Kurikulum Standard Sekolah Menengah
STEM	Sains, Teknologi, Kejuruteraan dan Matematik
ZPD	Zon Perkembangan Proksimal
Ha	Hipotesis Alternatif
R ²	Pekali Penentuan Berganda
COO_1	<i>Cook's Distances</i>
MAH_1	<i>Mahalanobis Distances</i>
VIF	<i>Variance Inflation Factor</i>

SENARAI LAMPIRAN

- Lampiran A Surat Kelulusan Menjalankan Kajian Bahagian Perancangan Penyelidikan dan Dasar Pendidikan
- Lampiran B Surat Kebenaran Menjalankan Kajian Dari Jabatan Pendidikan Negeri
- Lampiran C Set Soalan Soal Selidik (Bahagian A - H)
- Lampiran D Output Kebolehpercayaan Instrumen Kajian Rintis
- Lampiran E Output Analisis Korelasi
- Lampiran F Output Analisis Regresi Linear Pelbagai

BAB 1

PENGENALAN

Bab pertama ini merupakan pengenalan kepada kajian pengaruh penerimaan media sosial dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) guru sains sekolah menengah. Justeru itu, bab ini mengandungi beberapa bahagian seperti mengenai latar belakang kajian, pernyataan masalah, kerangka konsep, objektif, persoalan, hipotesis, kepentingan, batasan kajian dan juga definisi operasi semua pemboleh ubah yang terlibat dalam kajian ini. Bahagian terakhir dalam bab satu ini adalah berkisar kepada rumusan kajian.


1.2 Latar Belakang Kajian

Istilah media sosial pertama kali digunakan pada tahun 1994 pada persekitaran media dalam talian Tokyo, yang dipanggil *Matisse* (Aichner et al., 2021). Media sosial boleh didefinisikan seperti koleksi aplikasi berasaskan platform interaktif yang dibina di atas asas ideologi dan teknologi Web 2.0 yang membenarkan pembuatan dan pertukaran yang dijana pengguna kandungan (Kaplan & Haenlein, 2010). Menurut Carr dan Hayes (2015) media sosial ialah perantara komunikasi massa yang interaktif dan bertujuan untuk melengkapi interaksi di antara pengguna dan yang paling penting memperoleh nilai daripada kandungan yang dijana pengguna. Leyrer-Jackson dan Wilson (2018) pula berpendapat media sosial digambarkan sebagai laman web dan aplikasi teknologi yang membenarkan penggunaanya berkongsi kandungan dan/atau mengambil bahagian dalam rangkaian sosial. Media sosial adalah hasil daripada perkembangan teknologi yang memasuki ke dalam kehidupan seharian kita, dan sudah menjadi sebahagian dan tunggak kepada kehidupan.

Meskipun tujuan utama penubuhan media sosial ini adalah untuk komunikasi sosial antara individu (Sasikala et al., 2021; Wan Nurul et al., 2022), namun begitu penggunaan ini semakin meluas dan telah melingkari semua bidang kehidupan seharian dan meliputi hampir keseluruhan aktiviti budaya, sosial, politik dan ekonomi (Cui, 2022; Radwan, 2022; Zhuravskaya et al., 2020). Oleh itu media sosial merupakan kaedah baharu dalam jaringan komunikasi di mana ianya percuma dan berlaku secara terus (Siti Ezaleila & Azizah, 2011). Malah melalui jaringan media sosial juga, perkembangan pengetahuan juga dapat dipertingkatkan (Siddhartha et al., 2020). Perkembangan rangkaian media sosial dan teknologi Web 2.0 telah menjadi sangat


meluas (Lenhart et al., 2010; Siddhartha et al., 2020), yang mana menyumbang kepada perkongsian secara terbuka terhadap setiap aspek kehidupan pengguna.

Mengikut laporan daripada Kemp (2021), rakyat Malaysia memperuntukkan lebih kurang tiga jam sehari dalam melayari media sosial. Ini meletakkan Malaysia di tangga yang kesembilan tertinggi di dunia dalam melayari rangkaian media sosial. Data yang diperoleh dari Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) pula mendapati bahawa terdapat peningkatan yang ketara dalam penggunaan internet pada tahun 2022 iaitu sebanyak 92.7 % iaitu peningkatan sebanyak 4.0 % berbanding tahun 2020. Aktiviti melayari media sosial juga mendapat tempat yang tinggi iaitu sebanyak 93.3% (SKMM, 2020). Jelas di sini menunjukkan media sosial mempunyai peranan penting dalam aspek kehidupan di Malaysia. Antara media sosial yang sering mendapat tempat di Malaysia ialah seperti Facebook (87.5%), YouTube (76.3%), Instagram (63.9%), WhatsApp (97.7%), TikTok (47.7%), Twitter (40.9%) dan Telegram (40.1%). Perkongsian melalui media sosial pada tahun 2022 adalah sebanyak 86.5% yang mana menunjukkan sedikit penurunan berbanding pada tahun sebelumnya. Rajah 1.1 menunjukkan peratusan penggunaan media sosial di Malaysia bagi tahun 2022.



Rajah 1.1. Peratusan Penggunaan Media Sosial di Malaysia bagi Tahun 2022. Sumber Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia (SKMM), 2022

Mengikut laporan daripada Kemp (2022) lagi, bagi bulan Januari sebanyak 30.8 juta pengguna aktif media sosial di Malaysia di mana ianya telah meningkat sebanyak 2.8 % daripada tahun 2021. Penggunaan media sosial di Malaysia sememangnya meliputi pelbagai kelompok umur. Rajah 1.2 di bawah menunjukkan penggunaan media sosial di Malaysia mengikut umur.



Rajah 1.2. Peratusan Penggunaan Media Sosial Mengikut Peringkat Umur. Sumber: Kemp, 2022

Era pendidikan di dunia telah mengalami perubahan yang drastik. Peralihan dinamik kepada persekitaran intensif teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) ini mewujudkan dunia daripada kerumitan dan menimbulkan cabaran yang luar biasa untuk golongan pendidik untuk mengkonseptualisasikan semula pengajaran mereka (Vandeyar, 2020). Dengan kehadiran ICT dalam sistem pendidikan telah membawa perubahan baharu kepada pedagogi pendidik dan pelaksanaan PdP (Siti Noor Ismail et al., 2022; Vandeyar, 2020). Revolusi teknologi dan maklumat dalam pelbagai cabang pengetahuan telah membentuk ciri tersendiri ciri abad ke-21. Revolusi ini telah menyentuh kesemua aspek kehidupan dan ianya menyumbang kepada keadaan

penyesuaian dan komunikasi serta dunia tanpa sempadan dan juga membawa kepada percampuran budaya dengan seluruh masyarakat dunia tanpa batasan (Radwan, 2022; Siddhartha et al., 2020).

Perubahan ini secara tidak langsung menyebabkan sistem pendidikan di Malaysia juga turut berubah bagi bergerak seiring dengan perkembangan teknologi dunia. Bagi memenuhi keperluan negara untuk menjadi negara maju, penambahbaikan terhadap sistem penyampaian dan penerimaan dalam sistem pendidikan juga perlu dilakukan seiring dengan hasrat pendidikan melalui Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025 iaitu meningkatkan kualiti pembelajaran melalui pemanfaatan ICT. Sehubungan dengan itu, proses pembelajaran tidak lagi terbatas kepada mendengar dan mencatat kepada pengajaran guru malah perlu melangkaui had tersebut (Nur Amelia Adam, 2019). Integrasi ICT ke dalam dunia pendidikan menambahkan kualiti kepada sistem pendidikan di negara kita (Devi et al., 2019; Zulaikha & Ridzuan, 2018; Mulyadi, 2021). Sehubungan dengan itu Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) memerintahkan penubuhan jawatan Guru Penyelaras ICT di sekolah untuk memberi sokongan kepada pentadbir sekolah, terutamanya dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) (Mohd. Anuar Bin Abd. Rahman & Haji Ahmad Bin Kamari, 2020). Jawatan ini adalah lantikan dalaman yang bertanggungjawab terhadap pelaksanaan, pembangunan, dan kemajuan ICT di sekolah, khususnya dalam konteks perkembangan dunia ICT dan penggunaan rangkaian media sosial (Mohd. Anuar Bin Abd. Rahman & Haji Ahmad Bin Kamari, 2020). Guru ICT di sekolah memegang peranan penting dalam mengajar kemahiran ICT, memberikan bimbingan dalam penggunaan perisian dan peranti teknologi, serta menyumbang kepada pembangunan kurikulum ICT selain turut memberikan sokongan kepada pentadbir sekolah dalam

pengurusan sistem ICT, menyelaraskan inisiatif dengan matlamat sekolah, dan melalui peranannya yang holistik, membentuk persekitaran pembelajaran yang dinamik, moden, dan relevan dengan keperluan pelajar dalam era digital.

Memandangkan media sosial bukan lagi asing dalam kalangan pendidik, penggabungan dalam pendidikan telah menjadi ikutan terutamanya warga guru. Menurut Alhumaid (2020), guru mengintegrasikan media sosial dalam proses PdP baik secara formal. Dengan memasuki dunia pendidikan pendigitalan, peranan guru sebagai pusat informasi semakin dilupakan (Nur Amelia, 2019). Peranan tersebut telah beransur-ansur diambil alih oleh media sosial yang semakin berkembang pesat (Javaeed et al., 2020). Kehadiran media sosial menarik perhatian ramai murid khususnya murid sekolah menengah khususnya bagi tujuan menimba ilmu, berkongsi bahan pengajaran, bersosial dan berkomunikasi (Ansari & Khan, 2020; Lambton-Howard et al., 2021; Khan et al., 2021; Gulzar et al., 2021). Akibatnya, impak dari fenomena media sosial juga terseret ke dunia pendidikan, dan sebagai akibatnya guru mulai menerima dan mengintegrasikan media sosial dalam PdP mereka.

Salah satu inovasi utama dalam media sosial berbanding dengan media tradisional yang sangat membantu ialah guru boleh mencari maklumat serta berkongsi kandungan mereka sendiri dalam rangkaian mereka sendiri (Shah Rafi & Zuraidah, 2020). Senario ini menggalakkan kreativiti dan ekspresif dalam komunikasi guru (Lampropoulos et al., 2021; Shah Rafi & Zuraidah, 2020; Ansari & Khan, 2020). Tanpa disedari, aspek keselesaan dan kemudahan dalam mengakses bahan pengajaran yang dirasakan oleh guru semasa menggunakan media sosial (Nurul et al., 2022) dalam melaksanakan pengajaran mereka mencetus rasa keseronokan dan kegembiraan (Al-

Maroof et al., 2021; Rezaei & Meshkhatian, 2017) kerana membantu guru mencapai objektif pembelajaran mereka dengan lebih cepat. Akibatnya, interaksi guru dengan media sosial telah menjadi tabiat dan mewujudkan hubungan yang positif dalam proses pengajaran (Siti et al., 2022). Nyata sekali faktor seperti keselesaan dan keseronokan yang dirasakan dan juga dikatakan sebagai salah satu cabang inovasi dalam pengajaran membangkitkan hasrat guru untuk terus menggunakan media sosial pada masa depan.

Manfaat media sosial dalam pendidikan sains juga tidak mampu dibendung lagi. Peranan media sosial dalam pendidikan sains menjadi sangat signifikan seiring dengan perkembangan pendidikan secara digital. Oleh itu, media sosial adalah teknologi yang digunakan secara meluas yang mempunyai peranan pengajaran dalam pendidikan, khususnya sains (Craig-Hare et al., (2018). Sains merupakan satu mata pelajaran berorientasikan pelaksanaan amali yang melibatkan siri aktiviti dan juga *hands on* (Degamon & Estoque, 2022; Siti Nur Diyana et al., 2018; Glaze, 2018). Ajayi dan Ajayi (2020) berpendapat penggunaan media sosial dalam subjek sains merupakan pilihan yang tepat bagi pembelajaran sains yang berkesan dan bermakna. Perubahan cara pembelajaran dalam Sains iaitu dari tabung uji kepada YouTube dan dari buku amali ke Facebook (Höttecke & Allchin, 2020; Greenhow & Galvin, 2020) membolehkan pelajar belajar tanpa sekatan dan mengikut rentak dan kesesuaian mereka iaitu dalam erti kata yang lain bilik darjah berada di mana-mana sahaja.

Malah kajian oleh Ansari dan Khan (2020), membuktikan bahawa penggunaan media sosial dalam pengajaran sains lebih memudahkan kerana ianya dapat diubahsuai mengikut kandungan dan aktiviti pembelajaran. Sekadar contoh, guru sains menggunakan media sosial seperti Facebook untuk mengemas kini mengenai aktiviti

pengajaran dengan murid mereka (Luh et al., 2020; Forkosh Baruch & HersHKovitz, 2019). Di samping itu, pencarian maklumat yang lebih mendalam menggunakan aplikasi YouTube (Moghavvemi et al., 2018) dapat memudahkan murid dan guru sains dalam mengikuti proses PdP (Luh et al., 2020; Alkutich, 2018). Selain itu, Scolari et al., (2018) berpendapat penggunaan blog dan *live streaming* oleh guru sekolah menengah juga secara tidak langsung dapat meningkatkan penglibatan murid dalam proses pembelajaran dan seterusnya meningkatkan minat mereka dalam mempelajari mata pelajaran Sains.

Di Malaysia, gelombang pengintegrasian media sosial ke atas pendidikan sains bermula pada era pandemik COVID-19 yang mana PdP di teruskan secara atas talian yang dikenali dengan PdPR. Guru sains perlu beradaptasi dengan norma baharu dalam pendekatan PdP mereka dengan memanfaatkan platform media sosial. Mata pelajaran sains sering dikenal sebagai subjek yang menimbulkan fobia di kalangan murid (Mohd Fadzil et al., 2022). Dengan bantuan platform media sosial, pemahaman dalam sains dapat ditingkatkan kerana berperanan sebagai alat pembelajaran yang efektif dalam meningkatkan kemahiran proses sains pelajar kerana ia dapat merangsang motivasi dan minat pelajar terhadap mata pelajaran sains (N. Faizah Ahmad & Zanaton Iksan, 2021). Media sosial mampu mempengaruhi cara belajar dan juga meningkatkan penglibatan guru dan murid dalam proses pembelajaran sains (Dragseth, 2020; Ajayi & Ajayi, 2020) terutamanya pada peringkat menengah. Kajian lepas menunjukkan bahawa penggunaan media sosial dalam pendidikan dapat menyokong pembelajaran aktif, amalan literasi digital, dan kolaborasi antara murid dan guru dalam mata pelajaran Sains (Liyana Maisarah et al., 2021; Luh et al., 2020; Vilbar, 2018; Mohd Sufiean et al., 2019; Shahrul Nazmi, 2020; Suraya et al., 2021; Shah Rafi & Zuraidah, 2020; Denizalp & Ozdamli,



2019). Lantaran itu, dapat dibuktikan bahawa penggabungan lebih banyak kaedah pembelajaran berkait dengan media sosial ke dalam PdP sains mampu melonjakkan proses PdP ke satu tahap yang lebih bermakna dan diperkaya.

Di banyak negara, termasuk Malaysia, integrasi media sosial dalam PdP guru menjadi isu nasional terutama di peringkat sekolah menengah. Penerimaan media sosial dalam PdP masih terbatas kerana capaian akses internet yang tidak stabil, kurangnya peranti yang menyokong pembelajaran melalui media sosial (Siti Noor Ismail et al., 2022; Suryani et al., 2021) dan larangan penggunaan telefon pintar di sekolah umum (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2009). Guru menghadapi tentangan kritis dalam mengintegrasikan media sosial untuk meningkatkan keberkesanan pengajaran. Hal ini terkait dengan kurikulum sains yang cenderung tidak mesra teknologi, lebih berfokus kepada *hands-on* (Omosholape, 2019; Degamon & Estoque, 2022; Siti Nur Diyana et al., 2018) dan kekhuatiran guru kepada peningkatan beban kerja (Mohamad Hisyam, Muhamad Furkan & Nurul Akmal, 2019; Nur Ain et al., 2021). Selain itu, sikap dan keyakinan negatif guru, ketidaksediaan untuk mengubah kaedah pengajaran (Sarah Alia et al., 2021; Suryani et al., 2021) dan faktor lain seperti lokasi, sikap murid, serta kurangnya sokongan pentadbiran juga menjadi halangan integrasi media sosial dalam pembelajaran (Hisyam, Muhamad Furkan & Nurul Akmal, 2019; Siti Noor, 2019). Oleh itu, diperlukan penelitian untuk menilai kesan penerimaan media sosial dalam proses PdP terutama di kalangan guru sains sekolah menengah.

1.3 Pernyataan Masalah

Media sosial merupakan satu medium yang mampu memberi impak pembelajaran yang berkesan secara interaktif dan kreatif khususnya bagi subjek sains. Penelitian yang dilakukan oleh Aguilar et al., (2021) serta Shah Rafi dan Zuraidah (2020) telah membuktikan bahawa penerimaan media sosial dalam bidang pendidikan adalah sangat meluas terutamanya dari aspek kolaborasi dan perkongsian. Namun begitu, cabaran besar dalam mengintegrasikan media sosial dalam pengajaran di sekolah menengah di Malaysia semakin ketara dengan 20.8% guru menghadapi halangan utama seperti capaian internet yang tidak stabil dan kekurangan peranti (Suryani et al., 2021; Mohamad Hisyam et al., 2019; Mohd Khairuddin Rais et al., 2021), serta larangan penggunaan telefon pintar di sekolah (Kementerian Pendidikan Malaysia, 2009). Guru-guru juga menghadapi kesukaran dalam mengintegrasikan media sosial dalam pengajaran kerana kurikulum sains lebih menitikberatkan aktiviti praktikal (Degamon & Estoque, 2022) daripada penggunaan teknologi. Kajian juga turut mendapati guru berasa gusar bahawa ini akan menambah beban kerja mereka (Nur Ain et al., 2021). Selain itu, sikap dan keyakinan negatif guru (Sarah Alia et al., 2021) serta 41.7 % guru menyatakan ketidaksediaan untuk mengubah cara pengajaran mereka (Siti Noor, 2019; Mohd Khairuddin Rais et al., 2021). Selain itu 41.5 % guru juga bersetuju bahawa faktor seperti lokasi dan sikap murid menjadi punca penolakan penggunaan media sosial dalam pengajaran (Muhamad Furkan & Nurul Akmal, 2019; Mohd Khairuddin Rais et al., 2021). Maka, dalam konteks ini adalah penting untuk menyiasat niat perilaku penerimaan media sosial dalam PdP guru sains sekolah menengah.

Dalam konteks PdP, penggunaan media sosial telah menjadi topik perbincangan hangat yang sering mendapat perhatian. Kajian Affah Mohd Apandi & Raman (2020) mendapati guru percaya platform media sosial adalah alat yang ampuh untuk meningkatkan prestasi dalam PdP, terutamanya bagi sains. Ini disebabkan kerana keupayaannya dalam meminimumkan usaha untuk melaksanakan PdP namun dalam masa yang sama memaksimumkan prestasi dan hasilnya (Mohammad Talha & Supyan, 2022; Melvina Chung & Sara, 2021). Walau bagaimana pun, terdapat kajian sebelumnya yang menyimpulkan bahawa penggunaan media sosial lebih banyak mendatangkan kesulitan antaranya seperti kesukaran untuk mencapai objektif pengajaran yang telah ditetapkan. Akibatnya, beban tugas guru semakin bertambah (Purvis et al., 2020; Arshad et al., 2019). Oleh itu, faktor seperti jangkaan prestasi dan jangkaan usaha harus dikaji dalam meneliti penerimaan media sosial ke atas guru PdP

Pengaplikasian media sosial oleh guru sebagai tabiat dalam bilik darjah memberi kesan positif yang signifikan untuk memperkasakan proses PdP sains (Siti et al., 2022; Mylonopoulos et al., 2021). Antaranya untuk mendapatkan maklum balas segera dari murid dan juga sebagai medium perkongsian interaktif kandungan PdP (Otchie & Pedaste, 2020; Ansari & Khan, 2020; Tarhini et al., 2021; Jankauskaitė, 2019). Namun demikian, bukti yang ada juga menunjukkan bahawa faktor tabiat turut berperanan secara signifikan dalam menyumbang kepada masalah ketagihan (Suryani et al., 2021; Luh et al., 2020; Mohd Norakmar Omar et al., 2019). Kebergantungan yang berlebihan kepada media sosial oleh guru sains boleh mengundang kesan negatif seperti mengganggu tumpuan dan perhatian semasa proses PdP, mengurangkan interaksi secara langsung dengan murid dan berisiko untuk menyebarkan maklumat palsu atau

tidak tepat kepada murid (Luh et al., 2020; Kasakliev, 2020). Justeru itu, terdapat keperluan untuk mengkaji sama ada faktor tabiat ini memainkan peranan penting dalam penerimaan media sosial untuk PdP guru sains.

Tidak asing lagi bahawa interaksi dalam talian yang interaktif dengan rakan sejawat, murid dan komuniti setempat dalam PdP boleh membawa kepada perkembangan pengaruh sosial yang kuat serta dinamik, khasnya kepada golongan guru (Usman & Okafor, 2020). Meskipun begitu, kajian lepas mendapati kesan pengaruh sosial juga boleh membawa kepada isu buli siber dan pencerobohan privasi. Ini boleh menyebabkan perasaan rendah diri dan mendedahkan guru kepada kebimbangan melampau serta tekanan emosi yang tinggi (Cataldo et al., 2021). Hal ini dipercayai memberi kesan kepada kemampuan guru dalam menyampaikan pengajaran yang efektif. Justeru itu, wujud keperluan untuk meniasat faktor pengaruh sosial terhadap penerimaan media sosial dalam PdP guru sains sekolah menengah.

Kajian terdahulu telah menghasilkan gambaran yang amat menarik mengenai penggunaan media sosial sebagai sebahagian dari inovasi peribadi guru dalam PdP. Dalam kajian tersebut, 97.8% guru setuju bahawa media sosial memainkan peranan penting sebagai elemen inovasi peribadi yang sangat penting bagi guru dalam melaksanakan proses PdP (Shah Rafi & Zuraidah, 2020; Orlanda-Ventayen & Ventayen, 2017). Namun begitu, beberapa kajian lepas seperti Sarah Alia et al., (2021), Vandeyar (2020), Mohd Norakmar dan Siti Noor (2019) serta Cleary (2019) membuktikan bahawa penerapan elemen inovasi pada PdP guru adalah sesuatu yang sukar dan kompleks akibat penguasaan kemahiran ICT guru yang rendah dan juga

kekangan peralatan ICT. Oleh sebab ini adalah perlu untuk mengkaji faktor inovasi peribadi ke atas penerimaan media sosial dalam PdP guru sains sekolah menengah.

Kajian terdahulu juga mendapati media sosial mampu meningkatkan motivasi hedonis guru dalam pelaksanaan proses PdP. Jnr Gyane (2021), Jeselvi Manickam et al., (2020), Goodyear dan Armor (2021), dan Vandeyar (2020) juga turut bersetuju dengan penemuan ini. Malah kajian oleh Maslin et al., (2021), Patten et al., (2021), Lampropoulos et al., (2021) dan Ansari dan Khan (2020) turut membuktikan media sosial berupaya meningkatkan motivasi hedonis dengan penghasilan pengalaman PdP yang menyeronokkan dan menggembirakan. Walau bagaimanapun, perlu diingatkan bahawa terdapat kajian lepas yang mendapati penggunaan media sosial memberi kesan buruk yang ketara terhadap gangguan psikiatri seperti masalah depresi (Balasundran et al., 2020). Akibatnya, guru menjadi kurang bermotivasi dan bersemangat dalam melaksanakan PdP sekali gus mengganggu fokus dan produktiviti guru secara keseluruhannya (Krutka et al., 2020). Oleh yang demikian adalah wajar untuk mengkaji faktor motivasi hedonis dalam mempengaruhi penerimaan media sosial dalam konteks PdP guru sains sekolah menengah.

Justeru itu, pengetahuan yang diperoleh daripada penyelidikan lepas telah membantu pengkaji untuk memahami penerimaan media sosial dalam PdP guru sains dengan lebih baik. Walau bagaimanapun, ia mencetuskan persoalan baharu untuk diselesaikan dan mencari idea baharu untuk diterokai bagi mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi niat perilaku penerimaan media sosial dalam PdP guru sains sekolah menengah. Oleh itu, kajian ini akan menyiasat enam faktor yang mempengaruhi niat perilaku penerimaan media sosial dalam PdP oleh guru sains sekolah menengah iaitu

faktor jangkaan prestasi, jangkaan usaha, pengaruh sosial, tabiat, motivasi hedonis, dan inovasi peribadi.

1.4 Objektif Kajian

Kajian ini dilakukan untuk mengkaji pengaruh penerimaan media sosial dalam pengajaran dan pembelajaran (PdP) guru sains sekolah menengah. Objektif khusus bagi kajian ini adalah untuk:

- i. Menentukan tahap jangkaan prestasi, jangkaan usaha, pengaruh sosial, tabiat, motivasi hedonis, inovasi peribadi dalam PdP sains sekolah menengah.
- ii. Menentukan tahap niat perilaku guru terhadap penerimaan media sosial dalam PdP sains sekolah menengah.
- iii. Mengukur hubungan antara jangkaan prestasi, jangkaan usaha, pengaruh sosial, tabiat, motivasi hedonis, inovasi peribadi dengan niat perilaku guru terhadap penerimaan media sosial dalam PdP sains sekolah menengah.
- iv. Menilai pengaruh jangkaan prestasi, jangkaan usaha, pengaruh sosial, tabiat, motivasi hedonis, inovasi peribadi ke atas niat perilaku guru terhadap penerimaan media sosial dalam PdP sains sekolah menengah.
- v. Menentukan peramal terpenting ke atas niat perilaku guru terhadap penerimaan media sosial dalam PdP sains sekolah menengah.

1.5 Soalan Kajian

Bagi menjawab objektif kajian, persoalan kajian dibina seperti di bawah:

- i. Apakah tahap jangkaan prestasi, jangkaan usaha, pengaruh sosial, tabiat, motivasi hedonis, inovasi peribadi dalam PdP sains sekolah menengah?
- ii. Apakah tahap niat perilaku guru terhadap penerimaan media sosial dalam PdP sains sekolah menengah?
- iii. Adakah terdapat hubungan antara jangkaan prestasi, jangkaan usaha, pengaruh sosial, tabiat, motivasi hedonis, inovasi peribadi dengan niat perilaku guru terhadap penerimaan media sosial dalam PdP sains sekolah menengah?
 - a. Adakah terdapat hubungan antara jangkaan prestasi dengan niat perilaku guru terhadap penerimaan media sosial dalam PdP sains sekolah menengah?
 - b. Adakah terdapat hubungan antara jangkaan usaha dengan niat perilaku guru terhadap penerimaan media sosial dalam PdP sains sekolah menengah?
 - c. Adakah terdapat hubungan antara pengaruh sosial dengan niat perilaku guru terhadap penerimaan media sosial dalam PdP sains sekolah menengah?
 - d. Adakah terdapat hubungan antara tabiat dengan niat perilaku guru terhadap penerimaan media sosial dalam PdP sains sekolah menengah?
 - e. Adakah terdapat hubungan antara motivasi hedonis dengan niat perilaku guru terhadap penerimaan media sosial dalam PdP sains sekolah menengah?

- f. Adakah terdapat hubungan antara inovasi peribadi dengan niat perilaku guru terhadap penerimaan media sosial dalam PdP sains sekolah menengah?
- iv. Adakah terdapat pengaruh jangkaan prestasi, jangkaan usaha, pengaruh sosial, tabiat, motivasi hedonis, inovasi peribadi ke atas niat perilaku guru terhadap penerimaan media sosial dalam PdP sains sekolah menengah?
- v. Adakah terdapat peramal terpenting ke atas niat perilaku guru terhadap penerimaan media sosial dalam PdP sains sekolah menengah?

1.6 Hipotesis Kajian

Beberapa hipotesis dibangunkan dalam kajian ini berdasarkan soalan kajian ketiga hingga ke sepuluh dan diuji secara kaedah statistik inferens. Bersandarkan kepada objektif dan persoalan kajian, penyelidik telah memperkembangkannya kepada lapan hipotesis alternatif iaitu:

- Ha1: Terdapat hubungan yang signifikan antara jangkaan prestasi dengan niat perilaku guru terhadap penerimaan media sosial dalam PdP sains sekolah menengah.
- Ha2: Terdapat hubungan yang signifikan antara jangkaan usaha dengan niat perilaku guru terhadap penerimaan media sosial dalam PdP sains sekolah menengah.
- Ha3: Terdapat hubungan yang signifikan antara pengaruh sosial dengan niat perilaku guru terhadap penerimaan media sosial dalam PdP sains sekolah menengah.
- Ha4: Terdapat hubungan yang signifikan antara tabiat dengan niat perilaku guru terhadap penerimaan media sosial dalam PdP sains sekolah menengah.
- Ha5: Terdapat hubungan yang signifikan antara motivasi hedonis dengan niat perilaku guru terhadap penerimaan media sosial dalam PdP sains sekolah menengah.

- Ha6: Terdapat hubungan yang signifikan antara inovasi peribadi dengan niat perilaku guru terhadap penerimaan media sosial dalam PdP sains sekolah menengah.
- Ha7: Terdapat pengaruh jangkaan prestasi, jangkaan usaha, pengaruh sosial, tabiat, motivasi hedonis dan inovasi peribadi yang signifikan ke atas niat perilaku guru terhadap penerimaan media sosial dalam PdP sains sekolah menengah.
- Ha8: Terdapat peramal terpenting ke atas niat perilaku guru terhadap penerimaan media sosial dalam PdP sains sekolah menengah.

1.7 Kerangka Konseptual Kajian

Dalam kajian ini, pengkaji membuat penyesuaian model dengan mengecualikan konstruk nilai harga berdasarkan Model Penerimaan Dan Penggunaan Teknologi Bersepadu 2 (UTAUT2). Hal ini kerana kebanyakan guru sekolah menengah menggunakan aplikasi media sosial yang tidak berbayar dalam melaksanakan proses pengajaran mereka (Buhary et al., 2020; Tamilmani et al., 2021). Selain itu, jantina, umur atau pengalaman juga tidak dikekalkan dalam model ini kerana kajian ini tidak bertujuan untuk menyiasat kesannya kepada niat perilaku guru dalam penerimaan media sosial yang sama seperti kajian terdahulu oleh Mohd Norakmar et al., (2019), Seyyed Mohsen et al., (2020) dan juga oleh Tseng et al., (2019).

Selain konstruk nilai harga, kajian ini turut mengecualikan konstruk keadaan memudahkan kerana berdasarkan kajian lepas (Gansser & Reich, 2021), konstruk ini hanya boleh dijawab jika responden kajian mempunyai pengalaman yang mencukupi dan juga mendapati bahawa konstruk ini juga bukanlah peramal bagi niat perilaku dengan kehadiran konstruk jangkaan prestasi dan jangkaan usaha. Selain itu, Ahmad Wifaq et al., (2022) turut berpandangan jika keadaan memudahkan dimasukkan sebagai

pemboleh ubah dalam mana-mana kajian penggunaan teknologi, faktor yang perlu difokuskan adalah seperti latihan dan sokongan mesti disediakan secara konsisten dan terbuka dalam sesebuah organisasi dan secara munasabah konsisten di kalangan pelanggan sedangkan penggunaan aplikasi media sosial dalam pengajaran sains tidak memerlukan sokongan tambahan seperti penggunaan perbankan mudah alih dan perbankan internet (Ahmad Wifaq et al., 2022) kerana untuk menggunakan aplikasi media sosial hanyalah memerlukan kemahiran asas teknologi sahaja (Supardi et al., 2021). Bahkan beberapa kajian lepas yang turut mengecualikan keadaan memudahkan dalam kajian mereka (Curtale et al., 2022; Kapser et al., 2021).


Oleh yang demikian, pengkaji mengambil keputusan untuk mengecualikan konstruk keadaan memudahkan dalam kajian ini. Seterusnya, konstruk yang turut juga dikecualikan dalam kajian ini ialah tingkah laku penggunaan kerana penggunaan media sosial dalam pengajaran dan PdP pembelajaran hanya berperanan sebagai alat pemudah cara dan bukanlah suatu elemen yang diwajibkan digunakan (Devi et al., 2019). Tambahan pula, penggunaan media sosial dalam proses PdP masih lagi pada peringkat awal dan ini menyebabkan penggunaannya yang sebenar sukar untuk diukur (Moorthy et al., 2019).

Di samping itu, kajian ini hanya memfokuskan kepada pengaruh penerimaan sahaja, oleh itu konstruk wajarlah konstruk tingkah laku penggunaan dikecualikan. Walau bagaimana pun, pengkaji memasukkan satu item yang menunjukkan kepada kekerapan penggunaan media sosial oleh guru dalam PdP pada bahagian demografi kajian. Lantaran itu, dapat dirumuskan dalam kajian ini, terdapat tiga konstruk yang

dikecualikan mengikut model UTAUT2 iaitu keadaan memudahkan, nilai harga dan tingkah laku penggunaan berdasarkan justifikasi yang telah dinyatakan.

Terdapat sebahagian besar kajian lepas yang mengubah suai Model Penerimaan dan Penggunaan Teknologi Bersepadu 2 (UTAUT2) dengan cara menambah pemboleh ubah kepadanya (Mishra & Srivastava, 2022; Dajani & Abu Hegleh, 2019; Meet et al., 2022; Zacharis & Nikolopoulou, 2022; Amid & Din, 2021; Tarhini et al., 2021; Zulherman et al., 2021; Mohd Apandi & Raman, 2020), justeru itu, pengkaji juga membuat perubahan kepada UTAUT2 (Venkatesh et al., 2012) dengan menambah satu konstruk kepada model ini. Konstruk yang ditambah untuk dikaji dalam kajian ini adalah inovasi peribadi. Inovasi peribadi mula diperkenalkan oleh Agarwal dan Prasad (1998) sebagai binaan baru dalam teknologi maklumat (PIIT) dan menggambarkan kesan penyederhanaan ke atas antededen serta persepsi individu tentang teknologi baharu. Inovasi peribadi boleh didefinisikan sebagai kecenderungan individu kepada teknologi baharu atau inovasi (Devisakti & Muftahu, 2022).

Turan et al., (2015), mengatakan inovasi peribadi juga mempengaruhi persepsi kegunaan. Menurut Devisakti dan Muftahu (2022), inovasi peribadi mempunyai kaitan yang bermakna dengan konstruk jangkaan prestasi dan juga jangkaan usaha. Oleh itu dengan memasukkan inovasi peribadi sebagai salah satu konstruk yang dikaji dalam kajian ini menjadikan keseluruhan konstruk yang diselidik pada kajian ini adalah sebanyak tujuh konstruk. Kerangka konseptual kajian dibina berdasarkan konstruk-konstruk yang ingin dikaji. Rajah 1.3 di bawah menunjukkan kerangka konseptual bagi kajian ini.



Rajah 1.3. Kerangka Konseptual. Sumber: Diubahsuai daripada Model Penerimaan dan Penggunaan Teknologi Bersepadu 2 (UTAUT2) Venkatesh et al., 2012

1.8 Kepentingan Kajian

Setiap kajian yang dilaksanakan pastinya dapat memberi sumbangan yang signifikan kepada pelbagai pihak. Seiring dengan itu, kajian ini juga turut membawa kepentingan kepada pihak yang terlibat seperti Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN), komuniti seperti ibu bapa, guru, murid dan semestinya kepada pengkaji sendiri.

Secara umumnya kajian ini dapat mencetuskan idea dan strategi kepada pihak Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) bagi meningkatkan produktiviti, kualiti serta menambah baik sistem pendidikan melalui infrastruktur digital yang lengkap selaras

dengan matlamat Jalinan Digital Negara (JENDELA) (SKMM, 2020) sekali gus dapat mengoptimumkan sumber (SKMM, 2020) serta meningkatkan kebolehpercayaan terhadap sistem pendidikan (Yan, 2019). Malahan, kajian ini juga turut dapat menyalurkan data dan informasi terbaru kepada Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) akan penggunaan media sosial dalam pengajaran guru. Berdasarkan data dan maklumat ini, maka ia dapat membantu pihak JPN dalam menyediakan satu platform PdP berbantuan media sosial yang lebih interaktif dan efisien agar dapat memudahkan guru untuk melaksanakan proses pengajaran mereka (Sasikala et al., 2021; Thanavathi, 2020). Lantaran itu, proses PdP yang lebih bermakna dan berkesan berlaku (Chimezie, 2020) dan tidak terhad semasa berada di bilik darjah sahaja namun berlaku di mana-mana sahaja tanpa mengira batasan masa (Zhu, 2022; Ansari & Khan, 2020). Selaras dengan itu, dengan adanya platform sebegini jurang pendidikan di antara luar bandar dan bandar dapat dikurangkan (Anita et al., 2021).

Seterusnya, hasil kajian ini turut memberi pengetahuan yang khusus kepada ibu bapa dan penjaga tentang betapa pentingnya penggunaan media sosial dalam meningkatkan PdP sains sekolah menengah. Media sosial merupakan satu alat interaksi yang sangat berkesan antara guru dan ibu bapa serta penjaga (Kaban, 2021). Melaluinya guru dan ibu bapa serta penjaga dapat berkomunikasi secara terus di samping dapat saling membantu dalam memantau prestasi pembelajaran murid (Sasikala et al., 2021; Kaban, 2021). Keadaan ini merangsang kepada perubahan tingkah laku yang positif murid (Wal, 2020; Willis & Exley, 2018) kerana ibu bapa berperanan penting dalam keperibadian dan kelakuan murid (Mardhiyyah & Nurazan, 2016). Jelas sekali, ini mampu meningkatkan penglibatan mereka dalam proses pembelajaran murid (Willis & Exley, 2018; Kaban, 2021).

Semestinya dapatan kajian ini membantu guru sains sekolah menengah dalam meningkatkan kecekapan dalam melaksanakan pengajaran mereka berbantuan media sosial. Ia turut mempengaruhi guru untuk menjadi lebih fokus kepada penghasilan bahan pengajaran yang lebih berpusatkan murid, kreatif dan interaktif dengan berbantuan teknologi (Andrini & Yusro, 2021; Nikolopoulou et al., 2021) selari dengan aspirasi Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia (PPPM) 2013-2025. Nyata sekali berupaya menarik minat dan motivasi murid (Sary et al., 2018; Gulzar et al., 2021; Tarhini et al., 2021) dan pada masa yang sama prestasi akademik murid juga meningkat (Wan Nurul et al., 2022; Yesuselvi et al., 2020; Olowo et al., 2020; Ansari & Khan, 2020). Seterusnya membantu mengurangkan bebanan guru dan menjimatkan masa guru dalam menghasilkan bahan bantu mengajar (Baytiyeh, 2021; Van Den Beemt et al., 2020).

Penemuan kajian ini juga turut memberi sumbangan secara tidak langsung kepada murid. Penggunaan media sosial oleh guru semasa melaksanakan proses pembelajaran dapat melatih murid untuk belajar secara mandiri (*self-directed learning*) (Zhu, 2022; Umi Kalsum et al., 2019) iaitu proses di mana murid bertanggungjawab untuk merancang, meneruskan dan menilai pengalaman pembelajaran mereka sendiri (Merriam et al., 2007). Tidak dapat dinafikan melalui penggunaan media sosial dalam pembelajaran, peranan guru dipermudahkan kerana guru hanya menjadi fasilitator atau moderator (Thanavathi, 2020; Ansari & Khan, 2020) manakala murid perlu mengambil inisiatif sendiri atau berkolaborasi dalam berkumpul bagi memajukan pembelajaran mereka (Ansari & Khan, 2020; Ahman et al., 2021). Oleh yang demikian, sikap seperti tanggungjawab, berdikari dan yakin diri dapat diterapkan dalam diri murid (Trad, 2021; Purvis et al., 2020). Oleh yang demikian, generasi murid yang lebih bersedia untuk

mendepani cabaran masa depan, berdaya saing dan lebih berkemahiran terhasil (Kesuma et al., 2021).

Malah hasil kajian ini juga membantu pengkaji sendiri dalam mendapatkan maklumat baharu mengenai faktor yang mempengaruhi guru Sains sekolah menengah dalam penerimaan dan pengaplikasian media sosial dalam PdP mereka. Akhir sekali, penemuan kajian ini juga secara khususnya dapat menyumbang penambahan literatur dan seterusnya menjadi rujukan kepada pengkaji yang lain yang berminat untuk melaksanakan kajian mengenai penerimaan media sosial khususnya dalam kalangan guru di peringkat sekolah menengah.

Batasan kajian boleh dikatakan sebagai keadaan atau syarat yang menjadi faktor yang menghalang kepada pengkaji ke atas sesuatu kajian yang dijalankan (Theofanidis & Fountouki, 2019). Terdapat beberapa batasan dalam kajian yang dilakukan ini. Kajian ini merupakan kajian tinjauan yang terbatas kepada para guru sains di sekolah-sekolah menengah di PPD Bangsar Pudu, WPKL sahaja. Sampel kajian ini hanya menghadkan kepada para guru sains sekolah menengah sahaja. Guru-guru sains di sekolah selain sekolah menengah kebangsaan tidak diambil kira sebagai sebahagian daripada sampel kajian ini.

Kajian ini secara eksklusif menggunakan pendekatan penyiasatan kuantitatif. Pendekatan penyiasatan seperti kualitatif atau campuran (*mixed method*), tidak digunakan untuk mengumpulkan data dan melengkapi kajian ini.

Selain itu, fokus kajian ini tidak melibatkan faktor lain selain faktor jangkaan prestasi, jangkaan usaha, tabiat, motivasi hedonis, pengaruh sosial dan inovasi peribadi dengan niat perilaku guru terhadap penerimaan media sosial dalam PdP sahaja. Faktor-faktor luaran yang mempengaruhi niat perilaku guru terhadap penerimaan media sosial guru sains sekolah menengah adalah tidak diambil kira. Namun begitu, kajian ini boleh dijadikan sebagai rujukan kepada kajian seterusnya dalam penggunaan media sosial tetapi mungkin dalam konteks dan subjek yang berbeza.

1.10 Definisi Operasi

Definisi operasi yang dinyatakan dalam kajian ini membincangkan teori penerimaan dan penggunaan teknologi yang disesuaikan dari Model Penerimaan dan Penggunaan Teknologi Bersepadu 2 (UTAUT2) dan istilah yang berkait dengan penerimaan media sosial dalam PdP guru sains sekolah menengah.

1.10.1 Media Sosial Dalam Pengajaran Sains

Media sosial ialah koleksi aplikasi yang berfungsi Internet dan berdasarkan ideologi dan teknologi Web 2.0 dan platform ini membolehkan pengguna membuat dan

berkongsi kandungan mereka sendiri (Patrut, 2013). Seterusnya Albalaw (2021) mendefinisikan sebagai kemudahan berinteraksi di antara satu sama lain juga merupakan ciri utama bagi media sosial. Interaksi berlaku melalui media sosial tidak terjadi pada penggunaan teks malahan melibatkan juga perkongsian gambar, animasi, audio dan video yang boleh memikat perhatian ramai pengguna (Nadia, 2017). Semua siaran adalah masa nyata (*real time*) yang mana membolehkan pengguna media sosial berkongsi maklumat tentang apa saja yang berlaku (Albalaw, 2021; Fatin Fatinah & Aidah, 2017). Guru sains sekolah menengah menggunakan media sosial sebagai medium untuk berkongsi maklumat, kandungan pembelajaran dan juga mendapat maklum balas mengenai pengajaran mereka (Greenhow & Chapman, 2020).

Justeru itu dalam kajian ini, media sosial dalam pengajaran sains adalah merujuk kepada kaedah pengajaran yang digunakan oleh guru- guru sains sekolah menengah kebangsaan (SMK) dengan berbantuan salah satu aplikasi media sosial seperti Facebook, YouTube, Instagram, WhatsApp, Messenger, Telegram, Twitter, WeChat dan Tik Tok sebagai alat pemudah cara atau pun moderator dalam berkongsi maklumat berkaitan dengan PdP, berkongsi kandungan pelajaran, serta berkolaborasi sesama guru sains dan juga murid.

1.10.2 Guru Sains

Secara umum, guru adalah individu yang memainkan peranan penting dalam membantu orang lain memperoleh pengetahuan, kemahiran, dan nilai, terutamanya dalam pendidikan formal di peringkat rendah dan menengah. Guru adalah insan yang memberi ilmu kepada pelajar (Wati, 2018). Selain itu, guru juga memiliki peranan penting dalam

membentuk perwatakan dan nilai kemanusiaan murid serta memenuhi tuntutan masyarakat dan negara, seperti yang diakui oleh Purwanto (2021). Pendapat ini juga dikuatkan oleh Nur Amelia (2019) yang menegaskan bahawa guru memainkan peranan penting dalam merangsang minat murid terhadap mata pelajaran yang kompleks. Menurut Cleary Tennant (2019), dalam konteks pendidikan sains, guru sains adalah didefinisikan sebagai seorang pengajar yang memiliki kemahiran khusus dalam menjelaskan konsep sains kepada pelajar dan mereka juga dapat memanfaatkan teknologi digital untuk mempermudah pemahaman konsep sains yang abstrak. Guru sains sekolah menengah juga dapat didefinisikan sebagai individu yang secara inklusif mempromosikan pengetahuan kosa kata sains dalam bilik darjah (Kennedy et al., 2017). Oleh itu dalam kajian ini, guru sains adalah merujuk kepada individu yang menerima dan seterusnya mengaplikasikan platform media sosial seperti Facebook, YouTube, Instagram, WhatsApp, Messenger, Telegram, Twitter, WeChat, dan TikTok sebagai alat bantu mengajar atau moderator dalam berkongsi maklumat serta kandungan berkaitan dengan PdP sains, serta berkolaborasi dengan guru sains yang lain dan murid dalam konteks pendidikan sains.

1.10.3 Niat Perilaku

Niat perilaku merujuk niat tingkah laku dalam menggunakan teknologi tertentu dan ianya mempengaruhi penggunaan teknologi itu (Venkatesh et al., 2003). Berdasarkan kajian oleh Mailizar dan Rahmah Johar (2021), niat perilaku juga dapat didefinisikan sebagai kecenderungan tingkah laku untuk terus menggunakan teknologi pada masa hadapan yang mana ia merupakan satu alat pengujian yang sangat penting dalam



menentukan sama ada pengguna akan terus menggunakan teknologi pada masa hadapan. Akan tetapi niat perilaku guru dalam kajian ini merupakan pemboleh ubah bersandar dan dirujuk untuk mengukur penerimaan guru sains sekolah menengah dalam menggunakan media sosial semasa melaksanakan proses pengajaran mereka.

1.10.4 Jangkaan Prestasi

Jangkaan prestasi dapat dirujuk sebagai fasa yang disediakan oleh penggunaan teknologi yang memberi faedah dan manfaat kepada pengguna dalam melakukan aktiviti tertentu (Venkatesh et al., 2012). Kajian oleh Tang et al., (2021) pula mendefinisikan sebagai keberuntungan prestasi yang dirasakan pengguna daripada teknologi yang digunakan. Maka dalam konteks kajian ini, jangkaan prestasi adalah dirujuk sebagai sejauh mana guru sains sekolah menengah percaya bahawa media sosial dalam membantu mereka melaksanakan matlamat dan objektif pengajaran serta meningkatkan prestasi dalam pengajaran.

1.10.5 Jangkaan Usaha

Jangkaan usaha adalah merujuk kepada darjah kemudahan penggunaan teknologi tersebut kepada pengguna (Venkatesh et al., 2012). Menurut Lock et al., (2021) jangkaan usaha boleh diukur sebagai tahap penyelesaian/usaha yang berkaitan dengan penggunaan teknologi pelanggan. Dalam konteks kajian ini, jangkaan usaha merujuk kepada persepsi kemudahgunaan dan manfaat yang diperoleh oleh guru sains sekolah



menengah dalam penggunaan media sosial untuk mencari sumber maklumat dan kandungan pembelajaran semasa melaksanakan proses PdP.

1.10.6 Pengaruh Sosial

Pengaruh sosial adalah merujuk kepada peringkat di mana individu percaya bahawa orang penting berfikir bahawa mereka mesti menggunakan sistem tersebut (Venkatesh et al., 2012). Sementara itu Hafiza et al., (2021) dalam kajiannya mendapati pengaruh sosial sebagai tahap di mana seseorang itu sangat dipercayai mempengaruhi dalam menggunakan teknologi tersebut. Dalam kajian ini, pengaruh sosial dirujuk sebagai fasa di mana guru sains sekolah menengah percaya bahawa individu sekeliling seperti rakan guru, murid, pentadbir sekolah serta masyarakat sekeliling yang mereka percayai berfikir dan berpandangan positif bahawa mereka mesti menggunakan media sosial dalam membantu melaksanakan PdP mereka.

1.10.7 Tabiat

Tabiat dapat dirujuk dengan kecenderungan untuk melakukan sesuatu tingkah laku secara automatik akibat dari proses pembelajaran (Venkatesh et al., 2012). Tabiat juga dapat dirujuk sebagai perlakuan yang berlaku secara spontan di mana individu tersebut melakukannya tanpa kesedaran mereka (Grossman & Wood, 1993). Mengikut Nikolopoulou et al., (2021), tabiat adalah sejauh mana individu percaya tingkah laku itu automatik akibat dari proses pembelajaran. Namun, dalam kajian ini, tabiat merujuk

kepada kecenderungan di mana penggunaan media sosial telah menjadi suatu rutin atau kebiasaan yang kerap kali dilakukan secara spontan oleh guru sains sekolah menengah dalam melaksanakan proses PdP.

1.10.8 Motivasi Hedonis

Motivasi hedonis dirujuk sebagai peranan penting yang dilakukan oleh teknologi tersebut serta keseronokan yang diperoleh oleh pengguna daripada penggunaan teknologi tersebut (Venkatesh et al., 2012). Kajian Wang et al., (2020), merujuk kepada sejenis perasaan gembira dan keseronokan yang datang daripada menggunakan sistem, dan sangat memainkan peranan penting dalam menentukan penerimaan sistem yang digunakan. Kehadiran intrinsik motivasi dapat meningkatkan keupayaan guru sains sekolah dalam menggunakan media sosial dengan penuh keyakinan bagi meningkatkan kualiti pengajaran mereka (Rohatgi et al., 2016). Dalam kajian ini motivasi hedonis digambarkan sebagai kegembiraan atau keseronokan yang diperoleh oleh guru sains sekolah menengah apabila menggunakan media sosial semasa PdP dan dijangka memberi kesan positif kepada niat guru untuk menggunakan media sosial dalam PdP mereka.

1.10.9 Inovasi Peribadi

Inovasi secara peribadinya mempunyai peranan yang sangat penting memberi penjelasan tentang niat dan hasrat penggunaan teknologi terbaru (Agarwal &

Prasad,1998). Al-Marroof et al., (2021) pula berpandangan apabila tahap inovasi peribadi bertambah, persepsi terhadap tahap penerimaan teknologi juga turut bertambah. Inovasi peribadi juga dapat dinyatakan sebagai keghairahan mencuba perkara baharu (Model et al., 2021). Manakala dalam bidang teknologi maklumat (IT), istilah inovasi individu merujuk sikap peribadi seseorang yang mencerminkan kecenderungannya bebas bereksperimen dengan mengaplikasikan perkembangan teknologi maklumat baharu (Amid & Din, 2021). Dalam kajian ini, inovasi peribadi dapat diperihalkan sebagai sikap ingin tahu untuk mencuba serta meneroka tanpa rasa paksaan yang ditunjukkan oleh guru sains sekolah menengah terhadap pemanfaatan teknologi baharu, seperti media sosial, semasa menjalankan proses PdP.

Bab ini memberikan penerangan komprehensif tentang latar belakang, isu, kerangka konsep, objektif, persoalan, hipotesis, kerangka teori, kepentingan, batasan kajian, dan definisi operasi setiap pemboleh ubah yang berkaitan dengan kajian ini. Penjelasan yang mendalam mengenai sub topik yang berkaitan dapat memberikan kefahaman mengapa kajian ini perlu dilaksanakan.